

Menghadapi Serangan Syaitan

“Sesungguhnya syaitan itu musuh kamu, oleh itu jadikanlah syaitan itu musuh kamu”. (Maksud firman Allah *Ta’ālā*).

Alim ulama dan ahli-ahli falsafah Islam telah menghuraikan ayat suci yang di atas ini seperti berikut:

(Oleh: Al-Ustādh Haji Firdaus)

Allah *subhānahu wa ta’ālā* menjadikan tiap-tiap orang

mempunyai tujuh lapis benteng bagi menjaga serangan syaitan yang ditetapkan menjadi musuh manusia.

Benteng yang pertama, dimisalkan diperbuat daripada emas, benteng itu ialah “makrifat” akan Allah.

Benteng yang kedua pula, diperbuat daripada perak, benteng ini ialah “iman” kepada Allah.

Benteng yang ketiga, diperbuat daripada besi, benteng ini ialah “tawakal” kepada Allah.

Benteng yang keempat, diperbuat daripada batu, benteng ini ialah “syukur dan reda” akan kurnia Allah.

Benteng yang kelima pula, diperbuat daripada marmar, benteng ini ialah “*amru bi al-ma’rūf* dan *nahī ‘an al-munkar*” (menyuruh berbuat baik dan melarang daripada melakukan kejahatan).

Benteng yang keenam, diperbuat daripada zamrud, benteng ini ialah “Kebenaran”.

Benteng yang ketujuh, diperbuat daripada permata yang berharga, benteng ini ialah “menghadapkan diri bulat-bulat kepada Allah”.

Di Dalam Benteng

Tiap-tiap orang Mukmin seolah-olah bertempat di dalam benteng tujuh lapis itu, sedang syaitan bertempat

di luarnya dan menyalak seperti anjing, menunjukkan bahawa

dia sentiasa menyerang manusia. Pada saat yang demikian,

orang yang beriman tinggal di dalam aman, di dalam benteng

yang tujuh lapis itu. Meskipun begitu, orang-orang

Mukmin sangat-sangat tertuntut supaya berjaga-jaga dan jangan

alpa daripada beradab kepada Allah ‘*azza wa jalla*, supaya syaitan

musuh kita itu tak dapat menembusi benteng pertahanan

kita.

Beradab kepada Allah itu ialah sekurang-kurangnya tiap-tiap

kali berbuat baik hendaklah ingat dan menyebut nama Allah,

tanda taat akan perintahnya.

Selain daripada beradab kepada Allah, janganlah pula

ditinggalkan beradab kepada sesama manusia. Hak-hak orang

lain seyogialah dijaga dan janganlah dilanggar. Lebih-lebih

lagi berlaku adab kepada ibu bapa. Kita seyogialah

menghormati, bergaul dengan mereka dengan lemah lembut

dan penuh kesabaran.

Kalau segala adab dan sopan santun tersebut dilanggar, maka mudah sekali pintu benteng kita dirempuh dan dimasuki syaitan.

Selama kita menjaga tiap-tiap tutur kata dan perbuatan, berdasarkan pedoman “kebenaran” yang disertai dengan “tulus ikhlas”, maka musuh kita itu tidak mudah memasuki benteng kita itu.

Peranan Syaitan

Akan tetapi kalau kita lengah menjaga dan mengawalinya, maka syaitan akan mudah menembusnya dan dikhuatirkan kita akan tidak berpeluang menjalankan dasar amar makruf dan nahi mungkar.


Jika benteng “*amar ma ‘ruf dan nahī munkar*” ini telah diabaikan kawalannya, maka akan mudahlah musuh kita syaitan mendudukinya dan akan mulai ia menyerang sehingga dapat menembusi benteng “syukur dan reda”.

Jika banyaklah orang yang terdorong sehingga tidak bersyukur akan nikmat-nikmat Allah dan tidak reda akan perkara-perkara yang telah ditentukan Allah, maka banyaklah pula yang akan menemui keadaan yang kacau-bilau.

Tiap-tiap hari, tiap-tiap jam dan detik kita sentiasa menerima nikmat limpah kurnia Allah ‘*azza wa jalla*, baik yang berupa zahir atau yang batin, yang besar atau yang kecil. Oleh itu amatlah wajibnya kita bersyukur dan memeliharanya serta menggunakannya dengan sebaik-baiknya sebagaimana yang telah diatur dan ditetapkan oleh agama kita agama Islam. Kalau segala nikmat

ini tidak kita jaga dengan bersungguh-sungguh maka dikhuatirkan benteng “tawakal kepada Allah” itu akan dapat ditembusi oleh musuh.

Orang yang tidak mempunyai rasa “tawakal kepada Allah” (menyerah diri kepada kekuasaan dan kehendak Allah sesudah kita berikhtiar sekuat tenaga dan fikiran), maka segala perbuatan itu akan menjadi kacau dan rosak binasa.



Masjid Jamik Pekan Sabak Bernam yang menelan belanja kira-kira \$70,000 dan telah dibuka dengan rasmi oleh Sultan Selangor pada 4 Muharram 1379 (10 Julai 1959) dalam suatu upacara yang meriah.

Kerajaan Selangor telah menderma \$30,000 manakala yang bakinya khairat orang ramai dari seluruh Tanah Melayu dan dermawan-dermawan tempatan.

Kalau “benteng tawakal” ini dapat dihancurkan oleh syaitan, maka sangat dikhuatirkan musuh kita itu akan dapat menembusi benteng kita yang kuat dan sangat berharga iaitu “benteng iman kepada Allah”.

Benteng ini sangat besar harganya kerana penuh dengan bahan-bahan yang amat mustahak untuk menjadi bekal dalam perjalanan kita ke akhirat. Pemergian kita ke sana sudah tentu tidak dapat ditolak oleh kekuatan manusia, manusia tetap akan mati, dan mati itulah pula yang menjadi pintu yang akan dilalui dalam perjalanan ke akhirat.

“Benteng iman kepada Allah” inilah yang wajib kita jaga dengan sehabis-habis daya upaya kita, sebab kalau musuh dapat merampasnya maka akibatnya kita akan terjerumus ke jurang neraka jahanam.

Akan tetapi kalau benteng-benteng kita ini: “Benteng tawakal dan benteng iman kepada Allah” – masih dapat kita pertahankan, kita masih ada harapan bahawa kita tidak dapat dihela ke jurang neraka, kerana Allah berfirman (ertinya):

“Syaitan tidak dapat menguasai orang yang beriman kepada Allah dan bertawakal kepada-Nya”.

Kalau “benteng iman kepada Allah” masih kuat dan berdiri teguh serta dilapisi dengan “benteng makrifat” maka *inshā-Allāh* kita akan selamat di dunia dan di akhirat.

Orang yang beriman kepada Allah dengan sebenar-benarnya, Allah *subhānahu wa ta’ālā* memberi pertunjuk dengan firman-Nya (ertinya):

“Orang-orang yang beriman dengan sebenar-benarnya, apabila disebut sifat-sifat dan tanda-tanda adanya Allah, maka mereka akan

merasai takut dan bertambah iman. Mereka (suka dan reda) menyerahkan dirinya kepada kehendak dan kemahuan Allah”. “... Orang yang demikian itulah orang yang beriman dengan sebenar-benarnya.”

Demikianlah pertunjuk Allah ‘*azza wa jalla* kepada orang yang beriman. Sudahkah ada rasa yang demikian di dalam hati kita semasa kita mendengar keterangan tentang sifat-sifat Tuhan dan tanda-tanda wujud-Nya? Kalau sudah ada, alangkah besar untung kita, tetapi kalau belum, maka besarlah penyesalan kita, kerana akan mudah dikalahkan oleh musuh yang berbahaya, iaitu syaitan yang terkutuk.

Kita tidak boleh berputus asa, bahkan kita tertuntut melawannya (syaitan) dengan sekeras-kerasnya, sehingga kita berjaya mencapai apa yang telah dijanjikan Allah di dalam firman-Nya (ertinya):

“Kamu jangan merasa hina dan jangan berdukacita, kerana kamu itu berkedudukan tinggi jika kamu betul-betul orang yang beriman”.

Ayat suci ini menjadi batu ujian untuk menguji diri kita, dan hasil ujian ini hanya diketahui oleh diri kita masing-masing, Tanyalah diri kita: Adakah kamu merasa takut dan bertambah imanmu ketika kamu mendengar akan sifat-sifat dan tanda wujudnya Allah ‘*azza wa jalla*? Sudahkah kita sekarang ini mencapai kedudukan yang mulia dan tinggi?

Kalau belum, tentulah kita belum pula menduduki darjat “mukmin yang sebenar-benarnya”. Oleh itu, mulai sekarang juga benteng-benteng kita hendaklah kita perbaiki dan kita perkukuhkan, supaya kita tidak sentiasa terancam oleh musuh-musuh yang tidak jemu-jemu dan tidak pula takut.